



DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN ELETRIK BAGI TEMPOH TIGA TAHUN UNTUK SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA SEBUT HARGA MyCC(S) BIL.6/2023

DISEDIAKAN OLEH :

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
TEL: 03-2273 2277
FAX: 03-2272 2293**

Peringatan :

PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUTHARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	KENYATAAN SEBUT HARGA	3
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA	3
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	4
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	4
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	4
6.0	PERTANYAAN	6
7.0	HARGA TAWARAN	6
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	7
9.0	KEPERLUAN & SPESIFIKASI	7
10.0	KADAR DENDA	7
11.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	7
12.0	SURAT SETUJU TERIMA SEBUT HARGA	7
13.0	PERUBAHAN SYARAT-SYARAT	8
14.0	TEMPOH PELAKSANAAN	8
15.0	PENAMATAN PERSETUJUAN	8
16.0	PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	9
17.0	PENERIMAAN SEBUT HARGA	9
18.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	9
19.0	PERTIKAIAN	10

LAMPIRAN	NAMA LAMPIRAN	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	11
LAMPIRAN A1	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	12
LAMPIRAN A2	CONTOH KATALOG PRODUK	14
LAMPIRAN A3	TEMPOH PELAKSANAAN PERKHIDMATAN	15
LAMPIRAN B	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	16
LAMPIRAN B1	SURAT AKUAN PEMBIDA	18
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN)	19
LAMPIRAN B3	SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA	20
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	21
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	25
LAMPIRAN B6	JADUAL TAWARAN HARGA	28
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	31
LAMPIRAN B8	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	32

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

1.0 KENYATAAN SEBUT HARGA

1.1 Tujuan Sebut harga

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat sebut harga pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan–arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

1.2 Tempoh Sebut harga

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **14 hari kalendar bermula pada 27 Oktober 2023 (Jumaat)** dan **tarikh tutup sebut harga adalah pada 09 November 2023 (Khamis)**.
- 1.2.2 Penyebutharga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 09 November 2023 (Khamis)**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUTHARGA

Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga.

2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti berikut:
 - i. **221503 : Penyewaan dan Pengurusan Kenderaan/Jentera/Kenderaan Rekreasi**
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

- 2.1.3 Penyebutharga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** ataupun **bukan bumiputera**. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil “Dokumen Sebut Harga”). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebutharga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam perkhidmatan berkaitan;
- 2.1.6 Penyebutharga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Penyebutharga ditolak;

3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Sebut Harga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebutharga. Tandatangan ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

- 4.1 Penyebutharga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B5** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebutharga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat. (**Lampiran B8**)

5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Tawaran Sebut harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. **Kategori Teknikal**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama

dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada keciciran maklumat.

- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.
- (d) Penyebutharga **tidak dibenarkan** untuk menyatakan/meletakkan sebarang nama atau logo syarikat di bahagian Kategori Teknikal.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah di jilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada keciciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

- 5.2 Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi:
Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan berkaitan.
- 5.3 Kedua-dua Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

<p style="text-align: center;">BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC) Level 15 Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.</p>
<p style="text-align: center;">MyCC(S) Bil.6/2023</p>

- 5.4 Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti

Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.**

- 5.5 Serahan Dokumen Sebut Harga secara emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.6 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebutharga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.7 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.8 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari, pada 09 November 2023 (Khamis).**
- 5.9 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

6.0 PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

Encik Khairul Ezzanie
Tel: 03-2273 2277 ext: 201
Emel: ezzanie@mycc.gov.my

ATAU

Cik Noor Haffini
Tel: 03-2273 2277 ext: 222
Emel: haffini@mycc.gov.my

7.0 HARGA TAWARAN

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh

penyebutharga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN

- 8.1 Penyebutharga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebutharga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebutharga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

9.0 KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI

- 9.1 Keperluan dan spesifikasi bagi perkhidmatan yang diperlukan dalam Sebut harga ini adalah dinyatakan dalam **Jadual Spesifikasi Teknikal** seperti di dalam **Lampiran A1** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.

10.0 KADAR DENDA

- 10.1 Penyebutharga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda sekiranya berlaku kesalahan seperti berikut :
- i. Pembekal gagal menepati kualiti perkhidmatan akan dikenakan potongan bil menurut kadar 10% daripada jumlah harga perkhidmatan yang ditawarkan.
 - ii. Pembekal gagal melakukan perkhidmatan berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan SURUHANJAYA maka akan dikenakan denda sebanyak 5% dari nilai perkhidmatan tersebut. (**kadar denda tertakluk kepada perubahan sekiranya ada).

11.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

- 11.1 Tempoh sah laku sebut harga ini ialah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

12.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 12.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan sebut harga yang terendah atau manapun sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

13.0 PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 13.1 SURUHANJAYA sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh SURUHANJAYA, perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 13.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut, maka kos yang terlibat hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

14.0 TEMPOH PELAKSANAAN

- 14.1 Tempoh bekalan adalah **dalam tempoh 4 minggu** selepas tarikh Surat Setuju Terima sebut harga dikeluarkan. Penyebutharga dikehendaki mematuhi tempoh pembekalan seperti yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini supaya bekalan dapat dibekalkan pada masa yang ditetapkan.
- 14.2 Penyebutharga mestilah menyatakan tempoh penyerahan/penyempurnaan bekalan di dalam **Lampiran B4**.

15.0 PENAMATAN PERSETUJUAN

- 15.1 SURUHANJAYA berhak menamatkan sesuatu persetujuan.
 - i. Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebutharga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya SURUHANJAYA boleh terus menamatkan persetujuan; atau
 - ii. Jika Penyebutharga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini; atau
 - iii. Jika Penyebutharga itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Penyebutharga itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; atau
 - iv. Jika SURUHANJAYA mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebutharga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa

bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak SURUHANJAYA untuk mendapatkan balik ganti rosak.

16.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 16.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 16.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

17.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 17.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

18.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat – syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

18.1 PEMBAYARAN

- 18.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

18.2 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG

- 18.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, perkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan

notis bertulis dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

- 18.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 18.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

19.0 PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara SURUHANJAYA dengan Penyebutharga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara SURUHANJAYA dengan Penyebutharga, dirujukkan kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh SURUHANJAYA dan seorang oleh Penyebutharga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

LAMPIRAN A

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2 *(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*

KATEGORI TEKNIKAL

MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebutharga hendaklah memastikan Kategori Teknikal **tidak menyatakan nama atau logo syarikat** dan lengkap diisi yang merangkumi semua item-item dinyatakan seperti di bawah. Kegagalan Penyebutharga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.6/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (✓)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal Perkhidmatan yang telah diisi dan dilengkapkan Lampiran A1			
2.	Contoh Katalog Perkhidmatan Lampiran A2			
3.	Tempoh Pelaksanaan Perkhidmatan Lampiran A3			

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL	KETERANGAN	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
Nota: Penyebutharga hendaklah mengemukakan cadangan katalog/jenama kenderaan elektrik yang akan dibekalkan kepada pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) selama tiga tahun				
1.	Spesifikasi Asas : Jenis Kenderaan: EV Model Kenderaan: KIA EV6 GT Line 77.4kWh atau seumpamanya Bilangan tempat duduk: 5 Kuantiti: 1 Unit			
2.	Tahun pengeluaran/pembuatan hendaklah tahun 2022 dan ke atas			
3.	Kenderaan wajib memiliki cukai jalan serta insurans yang sah (perlindungan insurans pihak pertama – <i>First Party</i>) yang ditanggung sepenuhnya oleh syarikat / pembekal dan insurans yang disediakan adalah jenis komprehensif (perlindungan kepada pemandu dan semua penumpang) serta perlindungan <i>windscreen</i> sepanjang tempoh sewaan			

4.	Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan asas secara berkala berdasarkan tarikh atau odometer kenderaan yang telah ditetapkan oleh bengkel kenderaan			
5.	Menyediakan pambaikan serta penukaran alat ganti dalam tempoh 24 jam jika berlaku kerosakan			
6.	Menyediakan kenderaan gantian yang setara atau yang lebih baik jika kenderaan tidak dapat dibaiki dalam tempoh 24 jam			
7.	Kenderaan yang dibekalkan hendaklah dalam keadaan baik dan selamat digunakan semasa diterima oleh pegawai Suruhanjaya			
8.	Segala kos kerosakan dan penyelenggaraan kenderaan akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat/pembekal			
9.	Syarikat/pembekal perlu menyediakan <i>auto assist (towing and breakdown assistance)</i> sekiranya kenderaan yang dibekalkan mengalami kerosakan di dalam atau di luar kawasan rasmi jabatan			
10.	Memberi latihan kepada pegawai Suruhanjaya berkenaan cara penggunaan dan pengendalian kenderaan elektrik			

11.	<p>Membekalkan kad EV kepada Suruhanjaya bagi tujuan pengecasan kenderaan di tempat awam</p> <p>*sila senaraikan lokasi pengecasan yang disediakan oleh pihak syarikat/pembekal di sekitar semenanjung (jika ada)</p>			
-----	---	--	--	--

LAMPIRAN A2

Contoh Katalog Produk

LAMPIRAN A3

Tempoh Pelaksanaan Perkhidmatan

LAMPIRAN B

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2 *(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*

KATEGORI KEWANGAN

MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebutharga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebutharga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.6/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
1.	Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani Lampiran B1			
2.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran SSM Lampiran B2			
3.	Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Sekiranya ada) Lampiran B3			
4.	Lampiran Q yang telah dilengkapkan dan ditandatangani Lampiran B4			
5.	Keterangan Mengenai Pembekal Lampiran B5			

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.6/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (✓)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
6.	Jadual Harga yang telah diisi dan dilengkapkan Lampiran B6			
7.	Penyata Kewangan Bagi tiga (3) Bulan terakhir Lampiran B7			
8.	Senarai Nama Projek Yang Pernah Dilaksanakan Lampiran B8			

PENGESAHAN OLEH PENYEBUTHARGA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
Nama Prinsipal :

No. K.P :

Tarikh :

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN ELETRIK BAGI TEMPOH
TIGA TAHUN UNTUK SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

SEBUT HARGA MyCC(S) BIL.6/2023

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) _____ nombor kad pengenalan _____ yang mewakili (*Nama Syarikat*) _____ no.pendaftaran (*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) _____ dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau member rasuah kepada mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

LAMPIRAN B2

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akaun Pendaftaran dari Kementerian Kewangan dan Salinan Sijil Pendaftaran SSM)

LAMPIRAN B3

Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Sekiranya ada)

LAMPIRAN B4

(Kew. 284 – Pin. 2/94)

LAMPIRAN Q

No. Sebut harga: MyCC (S) Bil.6/2023

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh Suruhanjaya (Alamat Lengkap)

No. Telefon

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Menara SSM@Sentral, Level 15,
No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur
Sentral, 50623 Kuala Lumpur.**

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
dengan pembelian ini

**Sebut Harga Perkhidmatan Sewaan
Kenderaan Elektrik Bagi Tempoh Tiga
Tahun Untuk Suruhanjaya Persaingan
Malaysia (MyCC)**

Sebut Harga MyCC(S) Bil.6/2023

No. Telefon 03-2273 2277

Tarikh Pelawaan: **26 Oktober 2023 (Khamis)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan 4 minggu selepas Surat Setuju Terima
 - 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki Mengikut syarat-syarat dalam kontrak
 - 1.3 Arahan Pengiriman Bahagian Khidmat Pengurusan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia
 - 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebut harga MyCC (S) Bil.6/2023
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **09 November 2023 (Khamis), jam 12.00 tengahari.**
 - 1.6 Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh Tutup

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan					Untuk diisi oleh penyebutharga
	<p>Sebut Harga Perkhidmatan Sewaan Kenderaan Elektrik Bagi Tempoh Tiga Tahun Untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Sebut Harga MyCC(S) Bil.6/2023</p> <p>Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				Jumlah

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah *
 *wajib nyatakan

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga:

Nama dan K/P:

Tarikh : Alamat Syarikat:

**Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang
SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

2. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan

3. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

4. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

5. BARANG-BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi

6. PENYETUJUAN

- i. Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetujuterima sebutharga yang terendah atau mananya sebutharga.
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

7. PEMERIKSAAN

- i. Suruhanjaya adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- ii. Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

8. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa Barang-barang Perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam piawaian ini.

9. PENOLAKAN

- i. Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.
- ii. Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- iii. Fasal-kecil (i) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkinan kontrak

10. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan terlebih dahulu.

11. TAFSIRAN

Sebutharga ini 25ana pa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

13. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

14. PEMBUNGKUSAN

- i. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- ii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

15. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

16. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

17. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

18. PEMBUNGKUSAN

- i. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL

- 1. NAMA SYARIKAT :**
- 2. ALAMAT SYARIKAT :**
- 3. NO. TELEFON :**
- NO. FAX :**
- 4. TARIKH DITUBUHKAN :**
- 5. JENIS SYARIKAT :**
- 6. JENIS PERNIAGAAN :**
- 7. NAMA PENGERUSI :**
- 8. KOMPOSISI MODAL :**
- 9. LEMBAGA PENGARAH :**
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
 - e.
- 10. NAMA DAN KEWARGANEGARAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH :**
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.

11. PENDAFTARAN SYARIKAT :

- a. No. Pendaftaran : _____
- b. Tarikh ditubuhkan : _____

12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :

- a. No. Pendaftaran : _____
- b. Tarikh Mula Pendaftaran : _____
- c. Bidang Pendaftaran :
 - i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.

13. STATUS SYARIKAT :

- a. 100% Kepunyaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara syarikat Tempatan/ Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain- Lain (Sila Nyatakan)

14. PERATUSAN KAKITANGAN :

- a. Bumiputera
- b. Bukan Bumiputera

15. MODAL :

- a. Modal Dibenarkan : _____
- b. Modal Berbayar : _____

16. BANK:

- a. Nama Bank : _____
- b. No. Akaun Bank : _____

19. BILANGAN KAKITANGAN :

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Lain-Lain
Pentadbiran/Pengurusan			
Teknikal/ Profesional			
Lain-Lain (nyatakan)			

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, menyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

Saya memperakui segala keterangan yang disertakan adalah benar.

T/TANGAN PENYEBUT HARGA : _____

TARIKH : _____

NAMA : _____

JAWATAN RASMI DALAM SYARIKAT : _____

T/TANGAN SAKSI : _____

NAMA : _____

JAWATAN : _____

Suruhanjaya Persaingan (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

JADUAL TAWARAN HARGA

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
Untuk Diisi oleh Jabatan			Untuk Diisi oleh Penyebut Harga	
1.	Spesifikasi Asas : Jenis Kenderaan: EV Model Kenderaan: KIA EV6 GT Line 77.4kWh atau seumpamanya Bilangan tempat duduk: 5	1 Unit		
2.	Tahun pengeluaran/pembuatan hendaklah tahun 2022 dan ke atas			

3.	Kenderaan wajib memiliki cukai jalan serta insurans yang sah (perlindungan insurans pihak pertama – <i>First Party</i>) yang ditanggung sepenuhnya oleh syarikat / pembekal dan insurans yang disediakan adalah jenis komprehensif (perlindungan kepada pemandu dan semua penumpang) serta perlindungan <i>windscreen</i> sepanjang tempoh sewaan			
4.	Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan asas secara berkala berdasarkan tarikh atau odometer kenderaan yang telah ditetapkan oleh bengkel kenderaan			
5.	Menyediakan pembaikan serta penukaran alat ganti dalam tempoh 24 jam jika berlaku kerosakan			
6.	Menyediakan kenderaan gantian yang setara atau yang lebih baik jika kenderaan tidak dapat dibaiki dalam tempoh 24 jam			
7.	Kenderaan yang dibekalkan hendaklah dalam keadaan baik dan selamat digunakan semasa diterima oleh pegawai Suruhanjaya			

8.	Segala kos kerosakan dan penyelenggaraan kenderaan akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat/pembekal			
9.	Syarikat/pembekal perlu menyediakan <i>auto assist (towing and breakdown assistance)</i> sekiranya kenderaan yang dibekalkan mengalami kerosakan di dalam atau di luar kawasan rasmi jabatan			
10.	Memberi latihan kepada pegawai Suruhanjaya berkenaan cara penggunaan dan pengendalian kenderaan elektrik			
11.	Membekalkan kad EV kepada Suruhanjaya bagi tujuan pengecasan kenderaan di tempat awam *sila senaraikan lokasi pengecasan yang disediakan oleh pihak syarikat/pembekal di sekitar semenanjung (jika ada)			
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)			

LAMPIRAN B7

Sila lampirkan Penyata Kewangan tiga (3) bulan terakhir

LAMPIRAN B8**1. Senarai Pengalaman Perkhidmatan di Lain-lain Agensi :**

Bil	Nama Kontrak	Tahun Kontrak Dilaksanakan	Tempoh Perlaksanaan	Organisasi	Nilai Kontrak (RM)	Jumlah Kakitangan yang terlibat
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.